

Putin: Kontrak pesawat promosi teknologi Rusia

UM-6 AUG 2003

Oleh MARHAINIKAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Presiden Rusia, Vladimir Putin berharap kontrak penjualan pesawat pejuang Rusia bernilai AS\$900 juta (RM3.42 bilion) kepada Malaysia akan meningkatkan minat rantau Asia Tenggara terhadap teknologi penerbangan negara itu.

Menurutnya, beliau telah menerangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pembangunan teknologi tersebut di negara itu termasuk perkembangan kerjasama Rusia mereka bentuk pesawat dengan rakan kongsi Eropah.

“Saya perlu menyebut mengenai kontrak besar dalam bidang kerjasama ketentera-

an iaitu rancangan penghantaran pesawat Rusia, Sukhoi 30MK.

“Saya fikir (penjualan) itu menjadikan Malaysia platform untuk mempromosikan teknologi penerbangan Rusia ke rantau Asia Tenggara,” katanya ketika berucap pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia di sini hari ini.

Dr. Mahathir turut hadir dan mengadakan dialog dengan ahli perniagaan Rusia pada forum tersebut.

Perjanjian pembelian pesawat Sukhoi 30MK atau Su-30MKM akan meningkatkan kemampuan pertahanan negara memandangkan ia mempunyai keupayaan menyerang dan memintas, sama kelas dengan pesawat F-22 buatan Amerika Syarikat.

Sepanjang lawatan Putin ke sini, selain menandatangani

kontrak membekal dan menghantar pesawat Sukhoi, kelengkapan logistik dan perkhidmatan bersepadu kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), dua perjanjian lain akan turut ditandatangani.

Perjanjian itu ialah mengenai kerjasama dalam bidang sains dan teknologi serta bidang teknologi komunikasi maklumat.

Menurut Putin, Rusia mempunyai pengalaman luas dalam bidang aeroangkasa dan bersedia menawarkan kepakaran termasuk dalam pelancaran roket dan satelit.

Selain itu, beliau turut mengharapkan dapat menjalin kerjasama di bidang perbankan dan insurans.

Menjawab soalan pada sesi dialog selepas itu, Putin menegaskan aliran multipolar

patut menjadi asas dunia hari ini bagi menjamin aturan undang-undang dan amalan pertubuhan antarabangsa terus dipatuhi.

Menurutnya, pengukuhan kerangka undang-undang antarabangsa dalam dunia multipolar yang mengambil kira kepentingan pelbagai negara tanpa mengira dimensi dan saiz perlu menjadi syarat utama bagi orde baru ekonomi.

Tegas beliau, Rusia akan terus mempertahankan prinsip multilateralisme itu pada forum-forum rasmi seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kesatuan Eropah (EU) dan Forum Kerjasama Asia Pasifik (APEC) di samping forum tidak rasmi mesyuarat kumpulan lapan (G-8).